

BAHASA, KONTEKS DAN PEMIKIRAN KANAK-KANAK MELAYU: SATU ANALISIS PRAGMATIK

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah

Abstrak

Kanak-kanak menggunakan bahasa untuk menyampaikan pemikiran, pengetahuan budaya, dan membentuk sesuatu konsep untuk disampaikan kepada pendengarnya. Dapatkan kajian terdahulu membuktikan bahawa kanak-kanak Melayu prasekolah berkebolehan mencipta sesuatu konsep dan melakukan proses peluasan dan penyempitan makna. Hal ini membuktikan bahawa kecekapan berbahasa dalam kalangan kanak-kanak Melayu sebenarnya ada kaitannya dengan pemikiran masyarakat Melayu yang menekankan aspek tersirat dalam menyampaikan mesej. Kesemua aspek ini telah mula digunakan pada peringkat kanak-kanak lagi. Kertas kerja ini membincangkan hubungan bahasa dengan konteks dan pemikiran kanak-kanak Melayu prasekolah dalam mencipta kata bandingan semacam, dan menyampaikan sesuatu mesej dalam pertuturan mereka. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan tinjauan yang disokong dengan data yang diperoleh menerusi rakaman perbualan spontan kanak-kanak prasekolah di Serdang. Data yang dikumpul dianalisis oleh penyelidik dengan menggunakan teori Relevans.

Abstract

Children express their thoughts, knowledge of culture and create their concepts through language. The results of the present study indicate that Malay pre-school children are able to create concepts as well as elaborate and restrict the meanings of words. This proved that the language competence of the Malay children is related to their thought, whereby Malay culture stresses or emphasizes on the implicit meaning in conveying messages. This paper discusses the relationship of language, context and thought of Malay pre-school children in creating simile and conveying messages. This study used the observation and

surveying method, while data were recorded as the pre-school children were in the midst of their spontaneous conversation during school activities. All collected data were analyzed using the Relevance theory.

PENGENALAN

Bahasa ialah suatu sistem simbol yang mempunyai makna. Bahasa dikawal oleh tatabahasa, iaitu sejumlah hukum atau peraturan yang mengawal penggunaan simbol seperti kata dalam susunan huruf. Bahasa lahir sebagai asas keperluan manusia untuk berkomunikasi. Oleh sebab itu, bahasa mempunyai kaitan yang rapat dengan pembentukan konsep dan pemikiran penggunanya. Konsep dan pemikiran bertindak sebagai kandungan bahasa, dan bahasa ialah wahana fikiran.

Dalam pertuturan kanak-kanak, menginterpretasikan makna ujaran dengan pendekatan pragmatik amat menarik kerana usaha ini dapat menyerlahkan kebolehan kanak-kanak menyampaikan segala pengalaman, dan mencipta pelbagai bentuk konsep berdasarkan pengetahuan yang telah diperoleh, dan bahasa yang telah dikuasai. Walau bagaimanapun, ada kalanya pertuturan mereka didapati kabur kerana perkataan yang digunakan itu bersifat taksa, dan ada kalanya pula bahasa yang digunakan untuk membentuk konsep adalah sewenang-wenangnya (Zaitul Azma, 2000).

Sinclair (1970) turut berpendapat bahawa perkembangan bahasa kanak-kanak menggambarkan kecekapan kognitif pusat. Kecekapan ini diperoleh oleh kanak-kanak melalui pengalaman mereka dengan objek dan tindakan dalam persekitaran mereka. Biasanya, makna ujaran kanak-kanak ini tidak semestinya sama dengan makna orang dewasa kerana makna ujaran kanak-kanak selalunya berlandaskan pola tindakan mereka sendiri. Makna ujaran kanak-kanak itu juga boleh merupakan pencirian mereka tentang kesan pola-pola tindakan itu terhadap orang lain.

Kanak-kanak juga sering memperluas makna sesuatu objek ataupun menyempitkan definisi sesuatu situasi supaya definisi tersebut dapat digunakan pada objek dan situasi lain. Makna perkataan yang digunakan oleh kanak-kanak juga mempunyai sifat yang tidak tetap kerana kanak-kanak membuat generalisasi secara subjektif terhadap sesuatu tindakan. Hal ini menyebabkan timbulnya kekeliruan kepada pendengar dewasa untuk memahami makna yang ingin disampaikan oleh kanak-kanak itu. Malah ada yang akan menganggap kanak-kanak itu ‘banyak mulut’, ‘cakap seperti mak cik’ dan sebagainya (Zaitul Azma, 2000).

Oleh sebab dapatan kajian sebelum ini tidak banyak menjelaskan perkembangan bahasa kanak-kanak Melayu prasekolah, khususnya penggunaan kata bandingan semacam, maka perlulah juga kita mengetahui sama ada kanak-kanak pada peringkat prasekolah ini mengalami masalah untuk menguasai bentuk-bentuk kata bandingan semacam dalam bahasa Melayu. Jika ada, sejauh manakah ilmu pragmatik mampu menginterpretasikan makna kata bandingan yang digunakan oleh kanak-kanak dalam ujaran mereka.

Sehubungan dengan itu, kajian ini diharap dapat memberikan gambaran tentang pemerolehan bahasa dan kecekapan pragmatik dalam kalangan kanak-kanak Melayu prasekolah. Hal ini perlu kerana penginterpretasian makna menggunakan kaedah pragmatik akan melibatkan seluruh aspek keperihalan keadaan pengguna, dan pendengar dapat membuat penginterpretasian makna dengan lebih tepat dan jelas, di samping dapat memahami makna ujaran kanak-kanak itu. Tambahan pula, kajian tentang pemerolehan bahasa dan kecekapan pragmatik kanak-kanak Melayu didapati masih kurang.

Justeru, kajian ini akan memfokuskan perbincangan terhadap penggunaan bahasa dalam pertuturan kanak-kanak. Aspek penggunaan bahasa ditumpukan kepada pembentukan kata bandingan semacam yang digunakan oleh kanak-kanak untuk menyampaikan mesej, menggambarkan pemikiran dan perasaan, dan menghidupkan komunikasi antara mereka.

Metodologi Kajian

Kertas kerja ini memfokuskan perbincangan terhadap hubungan bahasa, konteks, dan pemikiran kanak-kanak Melayu prasekolah dalam mencipta kata bandingan semacam, dan mengenal pasti penggunaan bahasa dalam pertuturan kanak-kanak yang ada hubungan dengan konteks.

Sampel kajian yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada 25 orang kanak-kanak Melayu prasekolah. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan pemerhatian. Data-data bahasa dirakam ketika kanak-kanak ini menjalankan aktiviti perbualan pagi, bercerita, bermain, dan menjelajah di persekitaran tabika. Data-data yang dikutip dianalisis berdasarkan teori pragmatik, iaitu teori Relevans.

Teori Relevans

Teori Relevans yang telah diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986), dan diperkemas pada tahun 1995, menekankan kerelevan sesuatu ujaran bergantung pada konteks dan kesan konteks ataupun kognisi dan usaha

pemprosesan maklumat antara penutur dengan pendengar. Mengikut Sperber dan Wilson (1986), sesuatu ujaran itu harus mempunyai sifat-sifat yang jelas dan nyata (*manifest*) supaya andaian daripada ujaran yang dihasilkan itu mudah dikesan oleh pendengar, dan jika banyak bukti yang melatarinya, maka ujaran itu dapat dianggap sebagai ujaran yang bermanifestasi.

Apabila mengujarkan sesuatu, penutur akan membekalkan bukti kepada pendengar dengan cara membuat ujaran tersebut bermanifestasi. Penutur juga akan mencuba mengubah persekitaran kognitif pendengar dengan menambah jumlah set andaian pada persekitaran kognitif atau mencuba menghasilkan ujaran yang mudah dikesan dan dinilai. Kejayaan sesuatu komunikasi ini sangat bergantung pada cara komunikasi itu disampaikan. Kenyataan ini dikenali sebagai prinsip Relevans. Dua perkara yang ditekankan dalam prinsip Relevans adalah seperti yang berikut:

i. Andaian asas

Teori Relevans menekankan kognisi manusia berorientasikan relevan. Pendengar selalunya akan menumpukan perhatian pada maklumat yang relevan dengan dirinya.

ii. Kesannya

Usaha memproses ujaran adalah tidak sama bagi pendengar, ada yang mudah dan ada yang susah. Oleh itu, penutur akan mencipta segala pengharapan yang relevan kepada pendengar untuk menginterpretasikan ujaran tersebut. Interpretasi yang terbaik ialah interpretasi yang dapat mematuhi pengharapan ini (Sperber dan Wilson, 1986 dalam Nor Hashimah Jalaluddin, 1999).

Oleh sebab pendengar akan memberikan perhatian yang relevan dengan dirinya, maka penutur bertanggungjawab memastikan ujarannya mengandungi maklumat yang setimpal dengan perhatian pendengar. Dengan itu, penutur seharusnya memberikan maklumat yang relevan dengan penaakulan dan persepsi mereka dan cuba membawa pendengar bersetuju dengan persepsi mereka dengan memberikan premis-premis tambahan yang ada dalam nahu kognitif mereka. Apabila premis tambahan yang diberikan setimpal dengan maklumat yang difahami oleh pendengar, maka ujaran itu dianggap relevan. Kerelevanan sesuatu ujaran bergantung pada kesan konteks/kognitif dan usaha pemprosesan maklumat. Semakin banyak kesan konteks/kognitif yang dapat dihasilkan, semakin relevan sesuatu ujaran itu, dan semakin rendah kos pemprosesan maklumat, maka semakin relevanlah

ujaran tersebut. (Nor Hashimah Jalaluddin, 1995).

Tiga Konsep Utama Teori Relevans

i. Konteks

Konteks ialah satu set andaian yang membantu pendengar menginterpretasikan maklumat yang diberikan oleh penutur. Konteks adalah mengenai dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar, merangkumi maklumat mengenai persekitaran fizikal yang paling dekat dengan ujaran terdahulu yang paling hampir. Konteks ini dirujuk dengan tiga cara. Pertama, berdasarkan ujaran terdahulu. Kedua, berdasarkan apa-apa sahaja yang berlaku di sekitar kehidupan manusia. Ketiga, melalui catatan ensiklopedia yang tersimpan dalam memori seseorang yang dapat dirujuk apabila kata-kata itu timbul dalam ujaran.

ii. Kesan Konteks

Kesan konteks atau kesan kognitif ialah andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar. Kesemuanya tersimpan sebagai catatan ensiklopedia penutur dan pendengar. Apabila pendengar mendapat maklumat konteks dalam ujaran penutur, maklumat itu akan diproses dengan tiga cara, sama ada digabungkan, dikukuhkan atau digugurkan dengan konteks sebenar sesuatu ujaran untuk mendapatkan kesan konteks yang tinggi. Pendengar selalunya mempunyai konteks awal yang tersendiri apabila berbual, membaca atau melihat sesuatu. Satu kesan konteks akan terbina apabila konteks awal ini bertemu dengan konteks yang sebenarnya.

iii. Kos Proses

Kos proses berkait rapat dengan usaha pendengar memproses maklumat. Sekiranya ujaran itu dapat difahami dengan mudah, maka kos proses maklumat bagi ujaran tersebut dapat dianggap rendah tetapi jika sebaliknya, kos proses bagi maklumat tersebut dianggap tinggi. Kesukaran memahami sesuatu ujaran itu dapat dikaitkan dengan kos proses yang tinggi, dan ujaran yang dianggap relevan ialah ujaran yang rendah kos prosesnya tetapi melahirkan kesan konteks yang tinggi.

Interpretasi Pragmatik

Pragmatik ditakrifkan sebagai bidang bahasa yang mengkaji cara suatu ujaran itu mendapat makna apabila digunakan dalam konteks tertentu.

Pragmatik mengutamakan penginterpretasian makna ujaran yang ada hubungannya dengan konteks situasi, tujuan penutur itu menghasilkan ujaran, dan cara pendengar menerima dan memahami ujaran itu.

Justeru, bidang pragmatik cuba menyerlahkan peraturan sosial yang berkaitan dengan penggunaan bahasa dan fungsi bahasa mengikut konteks. Kajian pragmatik tidak mengutamakan struktur bahasa dalam menginterpretasi makna ujarannya tetapi lebih kepada hubungan antara struktur bahasa dengan peraturan perlakuan para penggunanya. Oleh sebab itu, kajian linguistik ini tidak boleh dimasukkan dalam kajian linguistik yang sebenarnya, sebaliknya harus dibangunkan dengan menggunakan teori yang dapat menunjukkan bahawa makna ujaran berbeza daripada makna nahu yang bersifat bebas konteks. Dengan cara ini, pragmatik dapat dibezaikan daripada makna nahu (semantik), tetapi pada masa yang sama, kedua-dua bidang ini bergabung dalam satu ruang lingkup yang padu untuk mengkaji makna bahasa.

Dalam mengkaji makna ujaran dalam perbualan, pragmatik memfokuskan tiga kemahiran komunikasi, iaitu;

1. Penggunaan bahasa untuk tujuan tertentu seperti menyampaikan ucapan, membuat makluman, permintaan, membuat janji, dan juga tuntutan.
2. Membuat penyesuaian atau membuat pertukaran bahasa berdasarkan konteks, situasi, dan keperluan pendengar. Sebagai contoh, seorang penutur akan menggunakan pendekatan yang berbeza ketika bertutur dengan pendengar kanak-kanak berbanding dengan ketika bertutur dengan pendengar dewasa. Selain itu, penutur juga akan membekalkan maklumat yang mencukupi kepada pendengar yang baru dikenali, dan seterusnya mempraktikkan cara bertutur yang berbeza di dalam bilik darjah dengan di taman permainan.
3. Mematuhi peraturan perbualan dan peraturan bercerita seperti mematuhi peraturan ketika membuat laporan dan menceritakan sesuatu peristiwa. Pragmatik juga menyediakan peraturan mengambil giliran dalam perbualan, memperkenalkan tajuk perbualan, dan mengekalkan topik perbualan. Terdapat juga peraturan dalam penggunaan lambang bukan verbal dalam perbualan dan peraturan-peraturan ini sangat bergantung pada bahasa dan budaya penutur dan pendengar yang terlibat.

Teori Pemerolehan Bahasa Golongan Behaviouris dan Golongan Mentalis

Ada berbagai-bagai pendapat yang berkaitan dengan proses pemerolehan

bahasa kanak-kanak. Golongan behaviouris¹ cenderung mengatakan bahawa kanak-kanak dapat berbahasa hanya menerusi percubaan atau perilaku (stimulasi dan tindak balas). Manakala golongan mentalis² berpendapat bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak bersifat nurani atau *innate*.

Dalam proses pemerolehan bahasa pertama, seseorang kanak-kanak itu akan belajar semua konsep yang diperlukan untuk berkomunikasi dengan ibu bapa, rakan-rakan dan ahli masyarakat sekelilingnya. Bagi golongan behaviouris, penguasaan bahasa ialah hasil daripada proses rangsangan dan gerak balas. Golongan ini menganggap perkembangan penguasaan bahasa ialah hasil langsung daripada perkembangan sistem kognitif dan kemajuan interaksi psikososio antara kanak-kanak dengan persekitaran mereka (Marzuki Nyak Abdullah, 1993).

Mengikut Marzuki (1993), teori behaviouris ini menganggap bahasa sebagai aktiviti fizikal semata-mata, dan faktor-faktor persekitaran dianggap sebagai rangsangan dan tindak balas organisma terhadap rangsangan. Bagi golongan behaviouris, bahasa ialah perangai, dan individu lebih banyak belajar melalui pengalaman daripada melalui otak. Peranan mental yang perlu dikaji ialah data-data yang berupa kalimat-kalimat yang dapat diamati dan diukur. Bahasa dalam bentuk kalimat-kalimat ialah perangai yang secara langsung dapat diamati dan diselidiki.

Bagi golongan mentalis pula, penguasaan bunyi-bunyi bahasa tidak dianggap berlaku menerusi proses peniruan semata-mata, tetapi dianggap melibatkan organisasi-organisasi minda. Mereka menekankan kepentingan faktor-faktor dalaman (*endogenous*) seperti alat pemerolehan bahasa semula jadi yang disarankan oleh Noam Chomsky.

Teori mentalis ini menganggap bahasa sebagai satu aktiviti mental dan kebolehan khas manusia secara semula jadi. Bahasa dianggap sebagai pengetahuan yang dihasilkan oleh satu proses dalam otak dan saraf, setelah seseorang itu menerima rangsangan daripada pancaindera. Proses yang terjadi dalam otak dan saraf dikaji untuk membolehkan pembentukan dan penghasilan bahasa.

Pendekatan golongan mentalis didasarkan kepada “*The innateness hypothesis*” yang menghuraikan bahawa otak manusia telah dipersiapkan secara semula jadi (*genetic*) untuk berbahasa. Chomsky sebagai tokoh penting dan pelopor aliran mentalis ini percaya bahawa di dalam otak manusia terdapat

¹ Golongan ini beranggapan bahawa pemerolehan sesuatu lakuun terjadi melalui rangsangan tingkah laku.

² Golongan ini beranggapan bahawa kanak-kanak memperoleh bahasa kerana bahasa sudah terancang untuk berkembang dalam diri kanak-kanak tersebut secara biologis.

unsur yang dikatakan sebagai struktur bahasa sejagat atau LAD (*Language Acquisition Device*). Di dalam LAD ini terdapat ‘*the innate scheme*’ atau skema nurani. Dari sinilah proses pemerolehan atau penguasaan bahasa ini boleh diperkembangkan dan diperkujuh, (Chomsky, 1968). Oleh itu, tugas kanak-kanak bukanlah mendapatkan rumus-rumus bahasa ibundanya, tetapi hanyalah menyesuaikan rumus-rumus yang terkandung dalam nahu universal dengan nahu bahasa pertamanya. Misalnya, kata ‘cantik’. Kanak-kanak prasekolah sudah ada rumus bahasa ibundanya tentang makna cantik. Oleh itu, kanak-kanak tersebut hanya perlu menyesuaikan rumus ‘cantik’ dengan objek kata nama ‘naga’. Dengan itu lahirlah kata bandingan ‘cantik macam naga’ seperti mana yang diujarkan oleh salah seorang subjek kajian ini.

Selanjutnya, proses pemerolehan bahasa akan berkembang mengikut urutan jadual semula jadi yang sama erat hubungannya dengan proses kematangan kanak-kanak itu. Bermula dengan pengetahuan bahasa yang terhad, seseorang kanak-kanak akan terus ‘belajar’ memperoleh bahasa daripada masyarakat dan alam sekelilingnya terutama dengan orang dewasa yang paling hampir dengan hidupnya. Apabila kanak-kanak tadi semakin dewasa dan mencapai usia prasekolah, kanak-kanak itu akan dapat menguasai kecekapan berbahasa dan memenuhi mindanya dengan data-data bahasa yang tidak pernah difikirkan jumlahnya (Zaitul Azma, 1997; 2000).

DAPATAN KAJIAN

Penggunaan Kata Bandingan Semacam

Daripada kajian yang dijalankan, didapati bahawa kanak-kanak Melayu membentuk dan menggunakan kata bandingan semacam dalam pertuturan mereka bagi melambangkan sesuatu konsep, sama ada yang konkret ataupun yang abstrak. Kanak-kanak ini didapati cenderung menggunakan kata bandingan semacam dalam semua aktiviti harian mereka, termasuklah aktiviti lisan dan tulisan, di rumah dan juga di sekolah. Penggunaan kata bandingan semacam ini menyerahkan input linguistik, pengalaman, dan persekitaran sosiobudaya dalam pemerolehan bahasa, dan kecekapan pragmatik dalam kalangan kanak-kanak Melayu yang menjadi sampel kajian ini.

Walaupun kata bandingan semacam yang digunakan oleh kanak-kanak ini menggambarkan kematangan proses kognisi, input pengalaman, dan persekitaran sosiobudaya mereka, namun kata bandingan semacam yang digunakan oleh kanak-kanak ini tidak menunjukkan ciri yang sama dengan kata bandingan semacam yang digunakan oleh orang dewasa (dari segi ketepatan · dan

kekreatifannya), sebaliknya konsep yang dibina dan dilahirkan oleh mereka menerusi kata bandingan itu lebih merupakan satu gambaran logik hasil daripada persepsi mental kanak-kanak tersebut tentang sesuatu perkara, seterusnya mewujudkan pemahaman tentang alam nyata (Zaitul Azma, 2000). Proses pemahaman ini bermula apabila kanak-kanak itu mendengar bunyi-bunyi bahasa yang membawa makna. Seterusnya kanak-kanak tadi akan mencuba memproses apa-apa yang didengar untuk difahami maksudnya. Kesemua ini akan melibatkan pemilihan item-item leksikal dan proses mengatur item tersebut dalam satu kerangka semantik dan pragmatik lalu diujarkan ketika berinteraksi dengan masyarakat bahasanya. Perhatikan data yang berikut:

1. Alia : Hari itu kita pergi tengok orang kahwin. Cantik, cantik macam Agong.
2. Wawa : Oi, cikgu, cikgu, saya pergi tengok orang kahwin.
Cikgu : Orang kahwin dekat mana?
Wawa : Dekat sana tu. Cantik! Cantik macam naga.

Dalam ujaran 1 dan 2, Alia dan Wawa telah menggunakan kata bandingan semacam dalam pertuturan mereka. Penggunaan kata bandingan ‘cantik macam Agong’ dalam ujaran Alia dan ‘cantik macam naga’ dalam ujaran Wawa ini ada kaitannya dengan aktiviti mental Alia dan Wawa seperti mana yang dihujahkan oleh golongan mentalis, iaitu bahasa dianggap sebagai pengetahuan yang dihasilkan oleh satu proses dalam otak dan saraf seseorang setelah seseorang itu menerima bahan dalam bentuk rangsangan melalui telinga dan mata. Setelah melalui proses ini, seseorang itu berupaya melakukan pembentukan dan penghasilan sesuatu konsep yang tampak relevan dengan umur dan pemikirannya. Dalam hal ini, pembentukan dan penghasilan kata bandingan semacam juga tidak terkecuali. Berdasarkan contoh-contoh di atas, jelas bahawa kanak-kanak tersebut (Alia dan Wawa) membuat penjelasan tentang sesuatu konsep itu berdasarkan pengalaman dan persepsi mental mereka. Kata ‘cantik’ dalam data 1 merujuk kepada sesuatu yang lebih elok, indah atau bagus. ‘Agong’ mengikut konteks ujaran Alia dirujuk kepada Permaisuri Agong. Dapatan kajian menunjukkan Alia telah menerima bahawa Permaisuri Agong ialah satu simbol kecantikan wanita Melayu dan simbol kecantikan ini boleh disamakan dengan kecantikan seorang pengantin perempuan. Konsep ‘cantik seperti Agong’ ini dibina oleh Alia hasil daripada interaksi dan rangsangan daripada ahli masyarakat yang lain. Daripada maklumat konteks, didapati Alia telah didekah oleh keluarganya dan masyarakat sekeliling bahawa ‘Permaisuri

Agong' itu cantik. Jadi, konsep 'Agong itu cantik' telah tersimpan dalam minda Alia. Justeru, apabila Alia melihat pengantin itu berpakaian seperti Permaisuri Agong, maka Alia membentuk kata bandingan 'cantik macam Agong'. Hal ini menepati dengan pendapat golongan behaviouris, iaitu bahasa ialah perangai, dan individu lebih banyak belajar melalui pengalaman daripada melalui otak. Peranan mental yang perlu dikaji ialah data yang berupa kalimat-kalimat yang dapat diamati dan diukur, (Marzuki Nyak Abdullah,1993). Sebagai pendengar dewasa, konsep ini boleh diterima berdasarkan konteks, iaitu pakaian Permaisuri Agong seakan-akan sama dengan pakaian pengantin perempuan yang terserlah kecantikannya menerusi perwatakannya, pakaian, dan perhiasannya. Tambahan pula, masyarakat Melayu memang menganggap pengantin itu sebagai 'raja sehari'. Hal ini telah terpancar dengan jelas dalam simpulan bahasa Melayu, "bagai raja sehari" yang digunakan sehingga ke hari ini.


Manakala dalam data (2), kata bandingan 'cantik macam naga' (ujaran Wawa) mengupas beberapa aspek budaya masyarakat Malaysia yang perlu diperhatikan. Kanak-kanak dalam kajian ini (Wawa), telah menjalinkan penaakulan abstrak dengan konsep maujud. Pengertian makna abstrak oleh Wawa dikatakan berpunca daripada makna maujud yang dijadikan makna sumber. 'Naga' yang biasa dilihat oleh Wawa pada setiap kali perayaan Tahun Baru Cina itu didapati cantik lalu dijadikan bandingan kepada konsep 'cantik'. Daripada konteks, pendengar dapat menerima bahawa Tarian Naga yang ditarikan pada setiap kali perayaan Tahun Baru Cina itu telah ditarikan dalam suasana meriah dengan diiringi oleh pukulan gendang dan perarakan oleh pengikut-pengikutnya. Pada pemerhatian Wawa, 'naga' pada musim perayaan Tahun Baru Cina telah diwujudkan dalam suasana yang cantik berwarna-warni serta berkilau-kilauan. Kehadiran 'naga' itu memang agak luar biasa. Justeru, Wawa menyamakan kecantikan naga yang dilihatnya itu dengan kecantikan seorang pengantin. Wawa melihat orang yang menjadi pengantin itu berada dalam keadaan yang berbeza daripada hari biasa. Daripada maklumat konteks, didapati pengantin telah didandan dan dihiasi dengan pakaian yang cantik serta diarak dalam suasana meriah, diiringi oleh pukulan kompong serta pertunjukan seni silat. Berdasarkan konteks budaya serta pengalaman Wawa, Wawa membuat perbandingan konsep 'cantik' itu sama seperti cantiknya naga pada setiap kali perayaan Tahun Baru Cina. Pendengar dapat memproses maklumat ujaran ini dengan mudah kerana telah dibekalkan dengan maklumat konteks dan kesan konteks.

Walaupun ada dalam kalangan sampel kanak-kanak yang menganggap naga itu jahat (berdasarkan cerita televisyen) tetapi dalam konteks ujaran

Wawa ini, tanggapan pendengar seharusnya selari dengan tanggapan kanak-kanak yang menuturkan ujaran ini, iaitu Wawa. Naga yang dianggap cantik itu ialah naga yang ditarikan dalam tarian naga, bukannya naga yang wujud dalam cerita televisyen. Berdasarkan prinsip Relevans, sesuatu ujaran itu harus diinterpretasikan berdasarkan konteks situasi dan sosiobudaya penutur dan pendengar. Hal ini perlu kerana usaha pendengar menginterpretasi makna ujaran menjadi lebih mudah apabila ujaran itu dikaitkan dengan konteks. Ujaran yang dikaitkan dengan konteks dapat menghasilkan kesan konteks yang tinggi dan kos proses yang rendah. Dengan itu, pendengar dapat menerima kata bandingan 'cantik macam naga' itu sebagai sesuatu yang relevan dengan dunia kanak-kanak seperti Wawa.

Namun, kerelevan ujaran Wawa ini masih boleh dianggap milik personal kerana ujaran ini lahir sesuai dengan tahap perkembangan mental kanak-kanak itu. Selain menampakkan unsur kekreatifan, Wawa mengatakan 'naga itu cantik' kerana minda Wawa tidak bersifat literal.

Seterusnya, proses membentuk dan menggunakan kata bandingan semacam dalam pertuturan kanak-kanak boleh digambarkan seperti dalam Rajah 1 yang berikut:



Rajah 1 Proses pewujudan kata bandingan semacam dalam kalangan kanak-kanak.

Konsep ‘cantik macam naga’ yang dilambangkan oleh Wawa ini telah melangkaui batasan pengalaman dan sedikit sebanyak telah menyerlahkan kemampuan Wawa mencipta sesuatu konsep yang kreatif. Konsep ini sememangnya agak berbeza daripada konsep asal yang digunakan oleh penutur dewasa. Justeru, pendapat Chomsky, “bahasa adalah kreatif sifatnya” adalah benar. Mengikut Chomsky (1975), penghasilan sesuatu bahasa itu tidak terbatas kepada objek-objek dan peristiwa-peristiwa yang digarap oleh perilaku semata-mata. Semua komponen bahasa berkembang secara kreatif dan melangkaui batasan pengalaman naluriyah, iaitu rangsangan dan tindak balas. Bahasa yang dipelajari itu adalah melalui pembentukan satu set rumus yang digunakan untuk menerbitkan kalimat-kalimat baharu. Dalam hal ini, wujudnya kemampuan, iaitu unsur dalaman yang berada di dalam otak dan prestasi sebagai unsur luaran.

Oleh yang demikian, pengetahuan pendengar perlu diselaraskan dengan bentuk dan lambang yang dimaksudkan oleh Wawa berdasarkan konteks ujarannya. Penggunaan kata bandingan semacam ‘cantik macam naga’ walaupun tidak dipersetuju oleh pendengar, terutama dari segi ketepatannya, Wawa tetap yakin bahawa naga yang dilihatnya itu dapat dikelaskan sebagai satu bandingan bagi konsep cantik. Tambahan pula Wawa dapat memberikan bukti yang relevan berdasarkan konteks. Oleh itu, konsep ‘cantik macam naga’ ini dapat diterima kebenarannya jika pendengar mengaitkan konsep tersebut dengan pengetahuan mereka terhadap situasi sosiobudaya dan alam persekitaran di negara ini. Proses ini dikenali sebagai ‘proses penyesuaian skema kognitif’ dengan fenomena budaya penutur bahasa itu sendiri. Serentak dengan itu, konsep ‘cantik macam naga’ dianggap sebagai relevan kerana sememangnya ‘naga’ yang dapat dilihat dalam tarian naga itu cantik berkilaunkilauan. Pendengar perlu menginterpretasi bentuk atau lambang yang digambarkan oleh Wawa secara keseluruhan yakni pendengar tidak perlu melihat konsep ini secara rumit, sebab naga itu dikatakan cantik. Pengetahuan kognitif pendengar perlu diselaraskan dengan darjah pengetahuan Wawa. Dengan itu, barulah pendengar dapat menerima, ‘naga itu cantik berkilaunkilauan’ dan kecantikan naga ini boleh disamakan dengan pengantin yang kelihatan lebih cantik pada hari perkahwinannya.

Selain kata bandingan ‘cantik macam naga’, terdapat beberapa lagi kata bandingan semacam yang digunakan oleh kanak-kanak Melayu dalam pertuturan mereka. Contohnya:

3. Bising macam dekat pasar borong.
4. Lambat macam kura-kura.
5. Dua kaki macam manusia.
6. Gemuk macam dinosaur.


7. Hitam macam rambut.
8. Hitam macam hari nak hujan.

Daripada kajian yang dijalankan, didapati juga beberapa kata bandingan semacam yang digunakan oleh kanak-kanak Melayu hasil daripada bukti yang relevan yang wujud dalam alam sekeliling kanak-kanak itu sendiri. Misalnya, dalam data (9) dan (10) yang berikut:

- | | |
|------------|---|
| 9. Wawa : | Hitam legam. Oh yo! |
| Atiqah : | <u>Hitam macam kereta cikgu</u> tu. |
| Wawa : | Itu hitam cair. <u>Hitam legam macam anjing</u> tu. |
| 10. Wawa : | Wau, panjang berjela-jela |
| Nabilah : | Hei, <u>panjang macam ular</u> . |
| Atiqah : | Oi, <u>panjang macam laut</u> le. |

Hal ini demikian kerana persepsi dan pengamatan datang dahulu sebelum tindakan melahirkan ujaran, diikuti oleh ikatan hubungan dan fungsian, kemudiannya hubungan fizikal dan psikologikal. Secara tidak langsung dapatkan kajian ini membuktikan bahawa pengetahuan kanak-kanak boleh menjangkau luas dan keupayaan ini membolehkan mereka membuat perbandingan yang relevan.

Sila rujuk Rajah 2 yang berikut:



Rajah 2 Kemampuan kanak-kanak membuat perbandingan yang relevan.

Sebagai kesimpulan daripada perbincangan ini, penulis mendapati representasi mental kanak-kanak Melayu berkembang selari dengan umur dan tahap pengetahuan kanak-kanak. Kanak-kanak ini akan mengembangkan pengetahuan mereka setelah menerima rangsangan daripada persekitaran lalu membina konsep-konsep yang relevan dengan konteks yang telah biasa didengar, sama ada yang abstrak ataupun yang konkret.

Perluasan dan Penyempitan Makna Perkataan

i. Perkataan kaya

Bahasa yang digunakan oleh kanak-kanak Melayu semasa berkomunikasi mencerminkan tahap kognisi dan input linguistik daripada masyarakat bahasa mereka, manakala perkataan-perkataan yang digunakan melambangkan pemahaman mereka tentang makna dan konsep yang didukung oleh perkataan-perkataan itu sendiri. Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati kanak-kanak Melayu menggunakan sesuatu perkataan bagi membentuk makna yang difahaminya mengikut konteks dan situasi. Contohnya perkataan kaya dan kampung.

- | |
|---|
| 11. Fatin : Cikgu, bapa Anisah <u>kaya</u> |
| Rumah dia ada tangga. |
| 12. Faizal : Saya <u>kaya</u> . Ayah kerja pejabat. |
| Dekat UPM. Mak kilang. |
| Kilang kat depan rumah. |

Perkataan kaya membawa maksud berharta, berada, berwang, mampu, berpunya atau mewah, (*Tesaurus Bahasa Melayu*, 1998). Daripada dapatan kajian, didapati Fatin mengatakan bapa Anisah kaya kerana rumah mereka ada tangga. Hal ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa keluarga Fatin tidak kaya kerana rumahnya tidak mempunyai tangga. Walau bagaimanapun, pendengar dapat mengetahui kebenaran ini berdasarkan konteks. Konteks membekalkan maklumat tambahan bagi memudahkan pendengar memproses makna ujaran penutur. Perkataan kaya dalam konteks ini merujuk kepada rumah bertangga milik bapa Anisah, (walaupun rumah bapa Anisah sebenarnya hanyalah rumah kos rendah). Manakala rumah keluarga Fatin ialah rumah teres kos sederhana tetapi disebabkan tidak bertangga, maka keluarga Fatin tidak dianggap oleh Fatin sebagai kaya. Mengikut teori Relevans, sesuatu ujaran itu dianggap relevan apabila diproses dengan kos proses yang rendah. Mengikut konteks, rumah yang

bertangga kebanyakannya terdiri daripada rumah kos sederhana tinggi ataupun rumah mewah yang terletak di Taman Universiti, Seri Kembangan. Jadi, apabila Fatin mendapat tahu rumah Anisah ada tangga, Fatin membuat kesimpulan bahawa keluarga Anisah adalah kaya. Dalam hal ini, Fatin membuat kesimpulan yang relevan mengikut pemahaman dan persepsinya tentang konsep kaya.

Hal ini berbeza dengan tanggapan Faizal. Faizal merasakan keluarganya kaya kerana kedua-dua ibu bapanya bekerja walaupun sebenarnya bapa Faizal cuma seorang buruh am dan ibunya bekerja di kilang di hadapan rumah mereka. Berdasarkan konteks, pekerja-pekerja di kilang kecil di sekitar kawasan Serdang terdiri daripada penduduk sekitar Serdang. Mereka bekerja secara sambilan bagi menampung keperluan hidup. Daripada konteks, pendengar dapat membuat kesimpulan bahawa Faizal mengatakan keluarganya kaya kerana kedua-dua ibu bapanya bekerja dan dapat menyediakan segala keperluan hidup, walaupun mereka terdiri daripada golongan pekerja peringkat bawahan. Kepuasan yang dirasai oleh Faizal menyebabkan Faizal membuat kesimpulan dengan mengatakan ibu bapanya kaya. Penggunaan perkataan ‘kaya’ dalam contoh di atas dianggap relevan kerana diujarkan sesuai dengan konteks dan situasi penutur.

ii. Perkataan kampung

Dalam pertuturan kanak-kanak Melayu, ‘kampung’ merujuk kepada kediaman di desa, kawasan yang dipenuhi pohon-pohon kelapa, sawah padi, dan ada tempat memancing. Hal ini dibuktikan dalam data 13 dan 14 yang berikut:

- | | |
|-------------|---|
| 13. Ezzah : | Emak saya tak ada kampung. Nenek je ada. Dekat Kelantan. |
| Cikgu : | Kampung emak di mana? |
| Ezzah : | Rumah mak di sini. Di sini tak boleh pancing ikan. |
| | Kampung nenek ada pokok kelapa, banyak. |
| Fatin : | Kampung atuk kita banyak pokok durian. |
| | Rumah atuk ada tangga kayu. |
| 14. Azmi : | Ayah tak ada kampung. Emak tak ada kampung. |
| Cikgu : | Pasal apa tak ada kampung? |
| Azmi : | Ayah dan emak duduk di sini. Di kampung boleh pancing ikan ... dekat kolam. Ada pokok kelapa, banyak. |

Berdasarkan data di atas, Ezah dan Azmi tetap menganggap ayah dan ibu mereka tidak mempunyai kampung kerana tinggal di Serdang. Ujaran mereka diterima sebagai relevan kerana di Serdang memang tidak ada sawah padi. Pokok kelapa juga tidak banyak seperti di kampung Melayu tradisional. Jadi, Serdang tidak dapat dianggap sebagai kampung berdasarkan konteks ujaran kanak-kanak ini. Oleh yang demikian, hanya nenek dan datuk mereka sahaja yang mempunyai kampung walaupun pada logiknya kampung datuk dan nenek juga ialah kampung ayah dan emak mereka. Tanggapan kanak-kanak ini dianggap sebagai relevan kerana kanak-kanak membuat rujukan berdasarkan konteks, situasi, dan budaya orang Melayu. Tempat yang didiami mereka sewaktu melahirkan ujaran ini tidak dapat dianggap sebagai kampung kerana tidak memenuhi konsep kampung yang ada dalam fikiran mereka. Berdasarkan konteks ujaran kanak-kanak ini, perkataan kampung telah disempitkan maknanya. Walau bagaimanapun, ujaran kanak-kanak ini masih dianggap relevan kerana diujarkan berdasarkan konteks.

Implikasi Dapatkan Kajian

- (a) Dapatkan kajian menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan oleh kanak-kanak bermula daripada penaakulan dan tahap pemikiran yang rasional sebagai mencerminkan persepsi mental mereka dalam membentuk pemahaman tentang peristiwa yang berlaku dalam dunia sosial mereka lalu dihubungkaitkan dengan pengalaman yang ditempuhi oleh kanak-kanak. Penaakulan pula bukan sekadar melibatkan bahasa tetapi juga melibatkan pengertian yang seterusnya menjadi satu landasan pemikiran, penilaian, dan imaginasi kanak-kanak yang relevan terhadap alam keliling. Setelah diinterpretasi dengan pendekatan pragmatik, penggunaan kata bandingan semacam ‘cantik macam agong’ dan ‘cantik macam naga’ dapat diterima sebagai satu unsur kreativiti kanak-kanak Melayu dalam menggunakan bahasanya. Kekreatifan seumpama ini dapat diterima sebagai satu warisan budaya dan kepelbagaiannya aspek bahasa kanak-kanak Melayu yang memerlukan interpretasi literal berdasarkan konteks (Zaitul Azma, 2000).
- (b) Dalam usaha pendengar menginterpretasi makna dan konsep yang terkandung dalam kata bandingan semacam yang digunakan oleh kanak-kanak Melayu prasekolah, pendengar perlulah memilih dan menerima konsep yang relevan dengan topik dan idea yang ingin disampaikan oleh kanak-kanak itu. Apabila pendengar dapat menyediakan ruang

pengetahuan yang sesuai dengan topik dan idea yang dihajati oleh penutur, maka proses menginterpretasi makna dan konsep kata bandingan semacam terbuka luas dan usaha pendengar untuk mendapatkan interpretasi makna dan konsep yang tepat dan jitu dianggap sebagai berjaya.

- (c) Kebolehan kanak-kanak menggunakan kata bandingan semacam dalam pertuturan mereka menampakkan tahap pemerolehan bahasa dan kecekapan pragmatik dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Penggunaannya berkembang dalam masa kanak-kanak ini berinteraksi dengan ahli masyarakatnya. Penggunaannya juga menyerlahkan perkembangan pengetahuan dan kemahiran berbahasa kanak-kanak tersebut terutama dalam situasi yang melibatkan komunikasi berbentuk personal dan berkumpulan.
- (d) Dapatan kajian juga menunjukkan ada sedikit perbezaan antara kata bandingan semacam yang digunakan oleh kanak-kanak Melayu tersebut dengan kata bandingan dalam kalangan orang dewasa. Perbezaan ini adalah dari segi ketepatan dan kekreatifan menggunakan kata bandingan semacam ini sesuai dengan konteksnya. Kata bandingan semacam yang digunakan oleh kanak-kanak Melayu tersebut bertujuan melambangkan konsep-konsep yang diketahui mereka dan merupakan satu gambaran logik berdasarkan konteks, hasil daripada persepsi mental kanak-kanak itu tentang sesuatu perkara atau konsep yang ada dalam alam persekitaran mereka. Justeru, penggunaan kata bandingan semacam dalam pertuturan kanak-kanak Melayu ini lebih merupakan kemampuan kognitif kanak-kanak tersebut menjana perlambangan yang tampak jelas dalam dunia sosial dan budaya mereka bagi menggambarkan model-model yang abstrak dengan idea yang kompleks.
- (e) Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kanak-kanak Melayu boleh menghasilkan dan menggunakan kata bandingan yang kongruen dengan tahap perkembangan konseptual mereka. Penggunaan kata bandingan semacam juga turut menggambarkan tahap perkembangan aspek psikologikal (diri mereka) dan historikal (pengalaman yang telah ditempuhi) dalam diri mereka sendiri, di samping membuktikan kebolehan kanak-kanak ini mentafsir dan menganalisis bentuk-bentuk linguistik sesuai dengan konteksnya. Ringkasnya, kebolehan kanak-kanak membentuk kata bandingan semacam berkait rapat dengan perkembangan mental kanak-kanak pada usia prasekolah, aras linguistik, dan kandungan input sosiolinguistik mereka.

KESIMPULAN

Kata bandingan semacam yang digunakan oleh kanak-kanak dalam pertuturan mereka menggambarkan kematangan proses kognisi, input pengalaman, dan persekitaran sosiobudaya mereka. Oleh sebab itu, kata bandingan semacam yang digunakan oleh kanak-kanak ini didapati menunjukkan ciri yang tidak sama dengan kata bandingan semacam yang digunakan oleh orang dewasa dari segi ketepatan dan kekreatifan, kerana konsep yang dibina menerusi kata bandingan itu lebih merupakan gambaran logik hasil daripada persepsi mental kanak-kanak tersebut terhadap sesuatu perkara atau konsep.

Selain itu, bahasa yang digunakan oleh kanak-kanak didapati lahir daripada penghayatan dan persepsi mereka tentang alam persekitaran. Apa sahaja konsep ataupun perkataan yang diucapkan oleh mereka dalam ujaran mencerminkan keupayaan kognitif mereka membina konsep dan seterusnya mewujudkan pemahaman terhadap alam nyata. Proses pemahaman ini bermula apabila setiap kanak-kanak mendengar bunyi-bunyi bahasa yang membawa makna. Seterusnya kanak-kanak tadi akan mencuba memproses apa-apa yang didengar untuk difahami maksudnya. Semua ini akan melibatkan pemilihan item-item leksikal dan proses mengatur item tersebut dalam satu kerangka semantik dan pragmatik.

Seterusnya, kajian lapangan ini telah membolehkan penulis menggunakan data yang asli daripada alam realiti, asli daripada pengetahuan penutur, dan asli dari segi interaksi sesama pengguna bahasa itu. Kebermaknaan idea dan konsep itu lebih mudah dikesan apabila adanya hubung kait antara alam persekitaran, pengalaman, dan pengetahuan penutur dan pendengar.

Sebagai kesimpulan daripada kajian dan analisis yang telah dijalankan, didapati kanak-kanak Melayu berkebolehan menggunakan bahasa untuk menyampaikan mesej mereka. Bahasa kanak-kanak Melayu didapati berkembang pada kadar yang berbeza bergantung pada konteks pengalaman, dan pengamatan mereka terhadap alam persekitaran. Kanak-kanak Melayu juga berkebolehan mewujudkan konteks baharu menerusi bahasa. Oleh yang demikian, pengajaran dan pembelajaran bahasa di tadika dan di sekolah perlu mewujudkan persekitaran bahasa yang baik. Hal ini demikian, kerana seseorang yang berhasrat mempelajari dan menguasai bahasa Melayu dengan cemerlang, perlu didedahkan dengan persekitaran bahasa Melayu, meliputi semua yang didengar dan dilihat oleh mereka dalam bahasa Melayu agar dapat memberikan pengalaman sebenar. Persekitaran itu mungkin

mengandungi pelbagai situasi seperti berbual di perhentian bas, di pasar raya, membaca iklan di papan kenyataan, membaca buku di perpustakaan dan sebagainya.

RUJUKAN

- Chomsky, Noam, 1975. *Reflection on Language*. New York: Pantheon Randon House Inc.
- Grundy, P., 1995. *Doing Pragmatics*. Great Britain: Edward Arnold.
- Hudson R.A., 1987. *Socialinguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Leech, G., 1983. *Principles of Pragmatics*. London: Longman.
- Levinson, S., 1978. *Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Marzukhi Nyak Abdullah, "Teori-teori Pemerolehan Bahasa" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 36:9, hlm. 839–846, 1993.
- Mey, J., 1993. *Pragmatics: An Introduction*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1995. "Bahasa Jual Beli dalam Perniagaan Runcit: Satu Analisi Semantik dan Pragmatik". Tesis Ph.D. Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1999. *Relevans Komunikasi dan Kognisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Piaget, J., 1955. *The Language and Thought of the Child*. New York: Meridian Books.
- Schlesinger, I.M., "The Role of Cognitive Development and Linguistic Input in Language Acquisition" dlm. *Journal of Child Language*, Bil.4, hlm.153–169, 1977.
- Sperber, D. & Wilson, 1986a. *Relevance Theory: Communication & Cognition*. Oxford: Basil Balckwell.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, 1997. "Pemerolehan Bahasa Pertama – Aspek Sintaksis di Kalangan Kanak-kanak Prasekolah". Latihan ilmiah Sarjana Muda Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2000. "Penggunaan Bahasa dalam Pertuturan Kanak-kanak Melayu – Satu Analisis Pragmatik". Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Zulkifley Hamid, "Pentafsiran Makna Pragmatik sebagai Kaedah yang Lebih Lengkap" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, Kuala Lumpur, 35:7, hlm. 570–575, 1991.